



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 22 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERJASAMA ERAT KERAJAAN-NGO, KUNCI KEJAYAAN TONGKAH ARUS PERUBAHAN SOSIAL		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/11/21/kerjasama-erat-kerajaan-ngo-kunci-kejayaan-tongkah-arus-perubahan-sosial/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	WHI 2025 PERKASA USAHAWAN WANITA DALAM INDUSTRI HALAL		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/757587/sinar-islam/edisi-halal/whi-2025-perkasa-usahawan-wanita-dalam-industri-halal	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	REMAJA HAMIL LUAR NIKAH: SEKSUALITI TAK BOLEH LAGI DIANGGAP TABU		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/757613/berita/nasional/remaja-hamil-luar-nikah-seksualiti-tak-boleh-lagi-dianggap-tabu	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	GOVT OUTLINES ASSISTANCE FOR UNMARRIED PREGNANT TEENS		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1319442/govt-outlines-assistance-unmarried-pregnant-teens	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ADVOCATES CALL FOR LESSONS ON CHALLENGES OF TEEN PREGNANCY		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1319447/advocates-call-lessons-challenges-teen-pregnancy	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	41,000 REMAJA HAMIL BAWAH UMUR BUKTI 'SISTEM GAGAL', KATA AKTIVIS		NEUTRAL
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/21/41000-remaja-hamil-bawah-umur-bukti-sistem-gagal-kata-aktivis	FREEMALAYSITODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	LETTER TEENAGE PREGNANCIES AN ONGOING CRISIS		NEUTRAL
	https://www.malaysiakini.com/letters/761395	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BELIAWANIS MCA BIMBANG KEHAMILAN REMAJA MELONJAK		NEUTRAL
	https://www.malaysiakini.com/news/761388	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	MELAKA SIAP SEDIA PENGURUSAN BENCANA SEPANJANG MTL - EXCO		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/11/1474461/melaka-siap-sedia-pengurusan-bencana-sepanjang-mtl-exco	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	ADIK KEPADA ZAYN RAYYAN DIPULANGKAN KEPADA BAPA SELEPAS 18 BULAN DIJAGA NENEK SAUDARA, JKM		POSITIF
	https://www.bharian.com.my//berita/nasional/2025/11/1474782/adik-kepada-zayn-rayyan-dipulangkan-kepada-bapa-selepas-18-bulan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/21/selepas-18-bulan-adik-zayn-rayyan-pulang-ke-pangkuan-bapa/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/21/adik-zayn-rayyan-pulang-ke-pangkuan-bapa-dengan-syarat-mahkamah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757640/berita/semasa/adik-zayn-rayyan-dipulangkan-ke-pangkuan-bapa	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290554/adik-zayn-rayyan-kembali-ke-jagaan-bapa-dengan-syarat-ditetapkan-mahkamah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/21/zayns-younger-brother-back-in-fathers-care-after-18-months	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/adik-kepada-zayn-rayyan-dipulangkan-kepada-bapa-selepas-18-bulan/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	TIGA REMAJA DIDAKWA BULI DAN TANGGAL SELUAR RAKAN SEKOLAH		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiga-remaja-didakwa-buli-dan-tanggal-seluar-rakan-sekolah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/21/londeh-seluar-pelajar-depan-orang-ramai-3-remaja-didakwa-di-mahkamah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/21/londeh-seluar-pelajar-depan-khalayak-ramai-tiga-remaja-didakwa/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115894/three-teenagers-charged-for-pushing-removing-students-pants-in-public	THEVIBES.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/21/3-schoolboys-charged-with-pulling-down-juniors-pants	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	BURUH DIDAKWA ROGOL BUDAK PEREMPUAN USIA 15 TAHUN HINGGA MENGANDUNG, LAHIRKAN ANAK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1474532/buruh-didakwa-rogol-budak-perempuan-usia-15-tahun-hingga-mengandung	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290383/buruh-binaan-nafi-rogol-kanak-kanak-hingga-lahir-anak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/21/buruh-didakwa-noda-kawan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/buruh-binaan-didakwa-rogol-remaja-hingga-lahir-anak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/21/ada-suara-suruh-saya-pegang-dia/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115887/construction-worker-faces-child-rape-charge-after-two-year-delay-now-with-child	THEVIBES.COM	
	https://www.malaysiadateline.com/buruh-didakwa-cabul-adik-angkat-mengaku-ada-masalah-psikiatri/	MALAYSIADATELINE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PENGAWAL KESELAMATAN DIDAKWA MENCABUL MURID PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengawal-keselamatan-didakwa-mencabul-murid-perempuan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1474580/jaga-didakwa-pegang-usap-tangan-murid-perempuan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1290431/pengawal-keselamatan-tak-mengaku-cabul-murid	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/21/pengawal-keselamatan-mengaku-tak-salah-cabul-murid	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/21/pengawal-keselamatan-sekolah-dituduh-sentuh-murid/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerjasama Erat Kerajaan-NGO, Kunci Kejayaan Tongkah Arus Perubahan Sosial

21 November 2025

Berita Utama

KUALA LUMPUR, 21 Nov – Kerjasama erat antara kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah kunci kejayaan dalam menongkah arus perubahan sosial dan cabaran demografi yang semakin kompleks.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad memaklumkan beliau telah hadir untuk menyempurnakan Majlis Program Pengiktirafan NGO Rakan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Berprestasi Cemerlang.



"Malam ini saya berada di Hotel Dorsett, Putrajaya bagi menyempurnakan Majlis Program Pengiktirafan NGO Rakan Strategik KPWK Berprestasi Cemerlang.

"Dalam ucapan perasmian, saya menegaskan bahawa pengiktirafan ini bukan hanya berdasarkan pencapaian program, tetapi juga kepada nilai integriti, profesionalisme dan keberkesanan pengurusan.

"Ini penting kerana NGO hari ini bukan sahaja berfungsi sebagai pelaksana, tetapi juga sebagai rakan pemikir, rakan advokasi dan rakan penghubung antara komuniti serta kerajaan," katanya menerusi hantaran di laman Facebooknya.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia berkata, rangkaian kerjasama perlu diperluas di samping meningkatkan penggunaan data agar intervensi dilaksanakan lebih tepat pada sasarannya.



"Saya turut menyentuh keperluan untuk memperkukuh tadbir urus, memperluas rangkaian kerjasama dan meningkatkan penggunaan data bagi memastikan intervensi yang dilaksanakan lebih tepat sasaran.

"Keupayaan NGO untuk membaca keperluan komuniti secara dekat merupakan aset besar dan ia perlu dipadankan dengan sokongan strategik kerajaan untuk memberikan impak maksimum," katanya lagi.

Mengulas lanjut beliau berkata, pengiktirafan tersebut merupakan permulaan kepada fasa baharu kolaborasi yang lebih strategik, tersusun dan berimpak.

"Ketika menyampaikan sijil dan anugerah, saya sempat berbual dengan beberapa wakil NGO. Ada yang berkongsi cabaran di lapangan, ada yang menyampaikan harapan baharu, dan ada yang meluahkan rasa terharu kerana usaha mereka akhirnya dihargai di peringkat nasional.

"Momen-momen kecil ini mengingatkan saya tentang pentingnya kita meraikan mereka bukan hanya melalui data, tetapi melalui pengiktirafan yang datang dari hati. Program hari ini mengukuhkan keyakinan saya bahawa dalam arus perubahan sosial dan cabaran demografi yang semakin kompleks, kerjasama erat antara kerajaan dan NGO adalah kunci kejayaan.

"Pengiktirafan ini bukan penutup, tetapi permulaan kepada fasa baharu kolaborasi yang lebih strategik, lebih tersusun dan lebih berimpak. Insya-Allah," katanya lagi. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



WHI 2025 perkasa usahawan wanita dalam industri halal



MUHAMAD TARMIZE MOHD NOR

Follow

21 November 2025 12:08pm



NORAINI (dua dari kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada Rozini Abdul Rahman (dua, kiri) pada Majlis Perasmian Penutup Women in Halal Industry (WHI) di Menara Dato Onn baru-baru ini. Foto Bernama

HALAL Development Corporation Berhad (HDC) terus memperkasakan golongan wanita sebagai peneraju utama dalam membangunkan ekosistem halal negara melalui pelaksanaan Program Grand Kick-Off Women in Halal Industry (WHI) 2025: Transformasi Wanita di Dalam Industri Halal.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, inisiatif WHI adalah usaha berterusan kerajaan bersama sektor swasta bagi memastikan golongan wanita terus maju sebagai pemimpin, inovator dan peneraju utama dalam industri halal yang kini dianggarkan bernilai lebih AS\$3 trilion (RM12.4 trilion) di peringkat global.

"Program WHI ini bersifat menyeluruh daripada peningkatan literasi halal dan keusahawanan sehinggalah kepada pembiayaan dan pensijilan halal. Ia mencerminkan usaha negara untuk membangunkan ekosistem halal yang inklusif, kompetitif dan berpaksikan nilai Islam," katanya.

Noraini yang juga Peneraju WHI berkata, industri halal kini tidak lagi terhad kepada sektor makanan dan minuman, sebaliknya telah berkembang kepada pelbagai bidang lain seperti farmaseutikal, kosmetik, kewangan Islam, logistik, pelancongan dan fesyen sekali gus membuka lebih banyak ruang kepada penyertaan wanita.

Justeru katanya, program dua hari itu menyediakan pelbagai sokongan kepada usahawan wanita termasuk latihan pensijilan halal, bimbingan keusahawanan, akses pembiayaan serta pasaran, selain memberi ruang kepada mereka untuk membangun kepimpinan, keyakinan diri dan rangkaian sokongan secara mampan.

Noraini berkata sejak dilancarkan pada Jun lepas, WHI telah menarik lebih 400 penyertaan usahawan wanita bagi siri pertama, dengan 153 peserta dipilih menyertai program tersebut melebihi tiga kali ganda daripada sasaran asal sebanyak 50 penyertaan. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja hamil luar nikah: Seksualiti tak boleh lagi dianggap tabu



AISYAH BASARUDDIN

Follow

21 November 2025 03:02pm



Nor Azura

SHAH ALAM – Isu berkaitan seksualiti dalam kalangan remaja tidak lagi boleh dianggap sebagai sesuatu yang tabu atau dipandang enteng kerana persoalan maruah dan harga diri wajib diingatkan secara jelas oleh ibu bapa serta ahli keluarga terdekat.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Bayt al-Rahmah, Nor Azura Kamarudin Sohami berkata, undang-undang lebih tegas terhadap eksploitasi seksual digital dan pengantunan anak-anak (child grooming) perlu diperkasakan, termasuk pelaksanaan intervensi keluarga serta kaunseling wajib bagi kes berisiko di pusat komuniti setempat.

Menurut beliau, usaha tersebut perlu dilaksanakan secara berterusan dan diperjuangkan bermula dari peringkat Parlimen.

Tegasnya, isu kehamilan luar nikah tidak seharusnya dipikul oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan badan bukan kerajaan (NGO) semata-mata.

"Ia perlu diperjuangkan di kawasan Parlimen masing-masing melalui penguatkuasaan pelaksanaan Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) yang diperkenalkan oleh KPM, di samping penggubalan undang-undang yang lebih tegas terhadap eksploitasi seksual digital serta child grooming.

"Pada masa sama, ekosistem keluarga mesti kembali memikul amanah tarbiah bahawa rumah adalah madrasah pertama anak-anak.

"Data yang dikemukakan membuktikan bahawa bukan hanya remaja gagal menjaga diri, malah golongan dewasa yang paling hampir turut gagal mendidik," katanya kepada Sinar Harian pada Jumaat.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri mendedahkan di Dewan Rakyat bahawa seramai 16,951 remaja perempuan berusia 19 tahun ke bawah yang tidak berkahwin telah direkodkan hamil bagi tempoh 2020 hingga 2024.

Menurut data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jumlah itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan 41,842 remaja hamil berusia 19 tahun ke bawah, sama ada yang telah berkahwin atau belum.

Daripada keseluruhan angka tersebut, kira-kira 50 peratus adalah kaum Melayu, Iban (11 peratus), Orang Asli Semenanjung (sembilan peratus), Cina (lima peratus), India (tiga peratus), manakala selebihnya terdiri daripada pelbagai etnik lain.

Nor Azura berpandangan bahawa angka yang didedahkan bukan sekadar statistik klinikal, tetapi merupakan gambaran krisis terhadap institusi keluarga, pendidikan nilai, dan keselamatan sosial remaja di negara ini.

Beliau menambah, kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja sering dianggap sebagai kesilapan individu, sedangkan hakikatnya fenomena tersebut mencerminkan kegagalan sistem sokongan emosi, kawalan sosial digital dan pendidikan seksualiti yang seimbang antara ilmu, akhlak, maruah diri dalam entiti keluarga serta masyarakat.

"Persoalan yang wajar kita fikirkan bukan hanya mengapa remaja bawah umur hamil, tetapi di manakah keluarga ketika mereka memerlukan bimbingan?"

"Kehamilan luar nikah remaja adalah isu maruah, bukan semata-mata isu kesihatan. Ia menuntut kerjasama institusi kerajaan, sekolah, keluarga, komuniti dan media dengan pendekatan penuh rahmah.

"Bayt al-Rahmah komited untuk terus melindungi wanita dan remaja, membimbing serta memulihkan maruah dan jati diri mereka, di samping memperkuatkan institusi kekeluargaan agar krisis ini tidak menjadi norma dalam masyarakat," ujarnya.

Bayt al-Rahmah merupakan pusat perlindungan dan bimbingan ke arah pemulihan akhlak, penjagaan kehamilan, kelahiran selamat serta pemerksaan wanita dan remaja hamil luar nikah.

Ditubuhkan pada 2010, pusat ini berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan Unit Pemulihan Ar-Riqab Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Rumah perlindungan tersebut memberi tumpuan kepada intervensi yang menggabungkan pemulihan agama dan akhlak, dengan penekanan terhadap nilai taubat, maruah serta kasih kepada Tuhan.

Antara program yang dilaksanakan termasuk kaunseling psikologi secara individu, berkumpulan dan komuniti, pendidikan kemahiran hidup serta penguatkuasaan spiritual pasca pemulihan.

Bayt al-Rahmah turut memperkuatkan pusat talian TIARA bagi menangani isu berkaitan remaja, ibu bapa dan individu yang berdepan risiko kehamilan luar nikah, gangguan emosi dan masalah kekeluargaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Govt outlines assistance for unmarried pregnant teens

By Robin Augustin November 21, 2025 @ 7:10am



The Welfare Department provides immediate support for unmarried teen mothers, assessing safety and health, and offering protective action through shelters or foster families when risks arise. - NSTP FILE PIC, AI-generated image, for illustration purposes only

KUALA LUMPUR: The government, through the Welfare Department, has various support systems in place to help unmarried teen mothers and their babies.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the department's assistance starts from the moment it is informed of a teen pregnancy.

"(The department's) *Pelindung* will carry out an initial assessment to check the teen's safety, health needs and risks," she told the *New Straits Times*.

If the teen faced any danger as a result of her pregnancy, she said the department would take immediate protective action, including temporary placement at a shelter or with a foster family.

This may involve a court process.

"In any case, it will then look into the needs of the teen and her family, and from there, the teen will either remain with family or stay in the department's shelters in Batu Gajah, Perak, and Kuching, Sarawak."

These shelters, known as "Taman Seri Puteri", go beyond providing food and a roof over the heads of their residents.

They also provide culinary and sewing courses, organise sports, music and other recreational activities. Counselling is also provided and the residents are allowed visitations.

Nancy said the department's assistance did not stop there.

"Throughout pregnancy, they (teen mothers) receive health checks, antenatal care, and counselling.

"After delivery, the department will discuss with her and her parents about the best care plan for the baby. This covers family care or adoption."

Nancy said, however, that institutionalising the child was always the "last resort".

"We want the babies to be with a family, whether their own or a foster family, through the *orang yang layak dan sesuai* (qualified and suitable) process.

"As for the mothers, once they are ready to continue studying, the department will help plan the next steps.

"This includes providing support to re-enter school, counselling, and working with the school."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Advocates call for lessons on challenges of teen pregnancy

By Zaf Seraj November 21, 2025 @ 7:20am



Children's rights advocates urge schools to teach social and financial impacts of teen pregnancy, giving minors a wake-up call on future consequences. - NSTP FILE PIC, AI-generated image, for illustration purposes only

KUALA LUMPUR: Children's rights advocates believe that the school syllabus should include lessons on the social and financial impacts of teen pregnancy as a "wake-up call".

This, they said, could serve as a tool to help minors realise the real-world effects of teen pregnancy and how it could determine their future.

Parent Action Group for Education chairman, Datin Noor Azimah Abdul Rahim, said educating minors on the challenges that came with being a teen mother was a potentially powerful alternative to sex education.

"Even if the full 'sex education' on biological, contraceptive, and sexual behaviour is sensitive or resisted, you can still teach about life skills, namely the financial and social costs of teen pregnancy, decision-making, future planning and the trade-offs."

She added that teen pregnancy hampered future education and employment opportunities.

Her comments came after Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said 16,951 unmarried teens were recorded as pregnant at government healthcare facilities between 2020 and 2024.

Ananti Rajasingam, chief executive officer of Yayasan Chow Kit, said the numbers reflected a lack of comprehensive access to sex education and that children were more exposed to social media.

She said there was also a need for guidance for teen mothers.

"When a child gets pregnant, they don't have anywhere to turn to. Family members don't know, or they put the child in a position where they feel like an outcast. Without guidance, they do not know what to do."

Youth must also be equipped with adequate support systems, she added.

"If it's not addressed, it will have a multi-generational impact — economic hardships in the future and the child may also get emotional trauma," she said.

"We must also shift from blaming to understanding, and from silence to having open and honest conversations."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



41,000 remaja hamil bawah umur bukti 'sistem gagal', kata aktivis

YESTERDAY
Chia Wan Rou

Pakar berkaitan hak reproduktif pula berkata ia adalah isu berulang yang tidak pernah membawa penyelesaian konkrit kerana sensitiviti.



Semalam, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri mendedahkan 41,842 remaja berusia 19 tahun ke bawah direkodkan hamil bawah umur antara 2020 hingga 2024. (Gambar AFP)

PETALING JAYA: Seorang aktivis hak kanak-kanak berpandangan statistik yang menunjukkan lebih 41,000 remaja hamil bawah umur dalam tempoh empat tahun membuktikan 'kegagalan sistem'.

Manakala, seorang pakar berkaitan hak reproduktif pula berkata ia adalah isu berulang yang tidak pernah membawa penyelesaian konkrit kerana sensitiviti.

Pengasas bersama Yayasan Chow Kit, Hartini Zainudin, berkata jumlah itu menandakan ketidaksampaian maklumat dan pendidikan kesihatan reproduktif kepada remaja sehingga mereka tidak ada pengetahuan asas tentang tubuh badan, risiko hubungan seksual atau bagaimana mendapatkan bantuan secara selamat.



Hartini Zainudin.

Katanya, akses kepada sokongan pencegahan dan kaunseling masih terhad terutama bagi remaja yang tidak bersekolah atau berasal daripada keluarga berpendapatan rendah.

"Stigma, ketakutan dihukum serta norma yang menutup perbincangan tentang seks dan hubungan lagi menghalang remaja daripada mendapatkan bantuan awal.

"Ini kegagalan sistem. Kami gagal memberi remaja maklumat, ruang selamat, perkhidmatan mesra remaja serta sistem sokongan yang berfungsi," katanya kepada FMT.

Justeru, Hartini mencadangkan kerajaan memperkenalkan dan mewajibkan pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual yang komprehensif di sekolah bagi menangani masalah itu.

"Ia bukan ceramah moralistik semata-mata tetapi pendidikan yang berfakta, selamat dan bersesuaian dengan tahap umur bagi memastikan persefahaman," katanya.

Beliau berkata, kerajaan boleh mempertimbangkan mewujudkan 'klinik mesra remaja' secara dalam talian di klinik kerajaan, universiti dan komuniti bagi menawarkan kaunseling privasi serta bimbingan psikososial tanpa stigma dan tidak menghakimi.

Pendidikan seks menyeluruh

Sementara itu, Dr Choong Sim Poey daripada Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia berkata, pelbagai cadangan penyelesaian dikemukakan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana faktor sensitiviti.

Antaranya termasuk pendidikan seks yang lebih menyeluruh di sekolah memandangkan ramai remaja mula aktif secara seksual pada usia 13 tahun ke atas, seperti dibuktikan oleh tinjauan.



Dr Choong Sim Poey.

Menurut Choong, perkhidmatan kontraseptif daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) harus lebih terbuka kepada individu yang tidak berkahwin.

Semalam, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri mendedahkan 41,842 remaja berusia 19 tahun ke bawah direkodkan hamil bawah umur antara 2020 hingga 2024.

Katanya, jumlah itu termasuk remaja sudah berkahwin dan hamil luar nikah, dengan kira-kira 50% Melayu, Iban (11%), Orang Asli Semenanjung (9%), Cina (5%), India (3%) dan baki etnik lain.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



LETTER | Teenage pregnancies an ongoing crisis

Ivone Low Yi Wen
Published: Nov 21, 2025 6:41 PM - Updated: 6:41 PM

LETTER | Recent statistics revealed by Women, Family and Community Development Minister Nancy Shukri highlight Malaysia's ongoing crisis of teenage pregnancies. Between 2020 and 2024, a total of 41,842 girls aged 19 and below were found to be pregnant at government health facilities, with 16,951 involving unmarried girls.

These numbers are alarmingly high, and they represent only the cases reported to the authorities. Many more remain unreported and unaccounted for. With these statistics, MCA Young Women reiterates that this issue is fundamentally about comprehensive sex education, supportive societal responses, and stronger community responsibility.

These figures have sparked concern across social media, with Malaysians questioning the broader causes. Are teenagers lacking adequate awareness? Are young girls insufficiently protected? Education remains one of the clearest solutions. A core driver of teenage pregnancy is the lack of comprehensive reproductive-health education.

Nancy has highlighted initiatives under the ministry, including reproductive health education and counselling through the Reproductive and Social Health Education Policy and Action Plan (Pekerti). However, Pekerti cannot succeed if we do not first confront the stigma that persists in many Malaysian families, where discussions about sex education or teenage pregnancy remain taboo.

Comprehensive education enables youths to recognise unsafe situations, seek help when needed, and communicate openly with trusted adults. However, that help is unreachable if families are not open to having a conversation or remain judgemental. The focus must begin with adults, who are the first line of support for young people.

Wanita MCA has previously noted that unexpected pregnancies often leave teenage mothers afraid and overwhelmed. This is where community awareness and parental responsibility are crucial. Parents must create an environment of openness long before teenage relationships come into the picture.

They must provide safe spaces for honest conversations and offer realistic solutions without judgment or stigma. Redirecting the discussion toward safety is essential to protect both the mother and the child - whether through access to baby hatches, guidance from extended family, or other forms of responsible support.

Preventing teenage pregnancies also means addressing broader social conditions. Many cases are influenced by socio-economic pressures. Poverty, early school dropouts, and limited employment opportunities can push young people into vulnerable situations.

Ensuring teenagers remain engaged in school, offering skills-development programmes, and providing clear pathways toward future careers can significantly reduce their susceptibility to risk.

Preventing teenage pregnancies requires collective responsibility across government, schools, families, and the wider community. Strengthening the national curriculum with comprehensive reproductive-health education, paired with open and stigma-free conversations at home, will equip young Malaysians with the knowledge and confidence to make informed decisions.

When support systems are accessible and adults foster a culture of openness and safety, we can better protect our youth and reduce the likelihood of teenage pregnancies, baby dumping, as well as be more prepared to provide support when they do occur.

IVONE LOW YI WEN is MCA Young Women chairperson and MCA information deputy chief.

The views expressed here are those of the author/contributor and do not necessarily represent the views of *Malaysiakini*.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy Shukri

Beliawanis MCA bimbang kehamilan remaja melonjak

Ditertbitkan: Nov 21, 2025 5:37 PM • Dikemaskini: 5:37 PM

Beliawanis MCA menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan kes kehamilan remaja di negara ini, dengan mendakwa Malaysia masih gagal melindungi remaja serta memberikan pendidikan seksualiti dan keselamatan diri yang mencukupi.

Ketua sayap MCA itu, Ivone Low Yi Wen berkata antara puncanya sikap masyarakat yang masih menganggap pendidikan seksualiti sebagai pantang-larang untuk dibincangkan.

"Isu kehamilan remaja tidak akan selesai selagi masyarakat terus menganggap pendidikan seksualiti sebagai perkara yang memalukan," katanya pada satu kenyataan hari ini.

Ivone merujuk kenyataan Menteri Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga (KPWKM), Nancy Shukri, yang memaklumkan 41,842 remaja perempuan berusia 19 tahun ke bawah dikesan hamil antara 2020 hingga 2024.



Daripada jumlah itu, 16,951 kes melibatkan remaja belum berkahwin, angka yang menurut Ivone menunjukkan betapa besarnya cabaran dalam pendidikan seksualiti negara.

Sementara itu, Ivone turut menegaskan ramai remaja hamil berdepan ketakutan, stigma dan tekanan emosi kerana kurangnya sokongan keluarga.

Selain kekurangan pendidikan, dia juga berkata faktor sosial dan ekonomi yang menambah risiko kehamilan tidak dirancang.

"Kemiskinan, keciciran sekolah dan peluang pekerjaan yang terhad menjadikan remaja lebih terdedah kepada situasi yang tidak selamat," katanya.

Ivone menekankan perlunya sokongan praktikal seperti kaunseling, akses kepada baby hatch, dan bantuan kepada keluarga bagi mengelakkan kejadian pempuangan bayi. Katanya, usaha pencegahan tidak boleh dibebankan kepada remaja semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama kerajaan, sekolah, keluarga dan masyarakat.

"Remaja memerlukan bimbingan, bukan hukuman. Kita tidak boleh mengharapkan mereka membuat keputusan selamat jika orang dewasa sendiri enggan berbincang secara terbuka," katanya sambil menambah bahawa hanya sikap terbuka dan sokongan berterusan mampu melindungi remaja daripada kehamilan tidak dirancang.

Semalam di parlimen, Nancy menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Perit Buntar, Mohd Misbahul Munir Masduki, mengenai jumlah kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja sejak 2020 dan langkah mengatasi isu tersebut.

Menurutnya, KPWKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk pemerkasaan pendidikan kesihatan reproduktif, kaunseling dan sokongan komuniti namun data terkini menunjukkan perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Melaka siap sedia pengurusan bencana sepanjang MTL - EXCO

BERNAMA - November 21, 2025 @ 11.05am



Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Melaka, Datuk Rais Yasin (tengah) menyerahkan replika sumbangan Bantuan Pemerkasaan E-Mikro bernilai RM300,000 daripada kerajaan negeri kepada Suruhanjaya Koperasi Melaka diwakili Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Lt Jen (B) Datuk Ahmad Norihan Jalal (dua kanan) pada Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Negeri Melaka 2025 di sini hari ini.

MELAKA: Kerajaan Melaka bersiap siaga daripada pelbagai aspek termasuk penyelarasan antara agensi bagi menghadapi kemungkinan banjir dalam tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang bermula minggu lalu.

EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin, berkata Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Azhar Arshad turut mengadakan mesyuarat berkala berhubung situasi terkini.

"Setakat hari ini, Melaka masih dalam keadaan baik dan tidak ada isu besar atau bencana dengan JPBN telah mendapat taklimat daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berhubung langkah persediaan," katanya selepas merasmikan Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Negeri Melaka 2025 di sini malam tadi.

Hadir sama Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Lt Jen (B) Datuk Ahmad Norihan.

Rais berkata pemantauan di lokasi berisiko juga telah dilaksanakan oleh agensi berkaitan dari semasa ke semasa dan amaran awal akan dikeluarkan sekiranya risiko bencana dikesan bagi memudahkan penduduk mengambil langkah berjaga-jaga.

Beliau berkata pusat pemindahan sementara juga telah diselaras dari semua aspek terutama kebajikan bagi memberi keselesaan serta menjamin keselamatan penghuni.

Sebelum ini, MetMalaysia dalam kenyataan memaklumkan MTL 2025/2026 yang bermula pada 14 Nov lepas dijangka berterusan hingga Mac tahun depan dengan lima hingga tujuh episod hujan lebat berterusan dijangka berlaku. – BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Adik kepada Zayn Rayyan dipulangkan kepada bapa selepas 18 bulan dijaga nenek saudara, JKM

Oleh Dawn I. Chan - November 21, 2025 @ 9:05pm



Majistret membenarkan permohonan Zaim untuk mendapatkan hak jagaan anaknya yang sebelum ini di bawah perintah jagaan JKM selama 18 bulan, tertakluk kepada 14 syarat ditetapkan oleh jabatan berkenaan.

SHAH ALAM: Mahkamah Majistret di sini, hari ini membenarkan adik kepada Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin dipulangkan ke pangkuan bapanya, Zaim Ikhrwan Zahari.

Kanak-kanak lelaki berusia enam tahun itu dipulangkan selepas 18 bulan berada di bawah jagaan nenek saudara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Majistret Ameera Mastura Khamis membenarkan permohonan Zaim untuk mendapatkan hak jagaan anak itu, tertakluk kepada 14 syarat ditetapkan oleh jabatan berkenaan.

Zaim, yang kelihatan sebak dengan keputusan majistret, segera memeluk anaknya diiringi ahli keluarga termasuk ibu bapanya, Zahari Mohd Reba dan Hasni Zakaria, kedua-duanya berusia 58 tahun.

Kanak-kanak yang menghidap autisme itu juga kelihatan ceria ketika didukung selepas prosiding selesai.

"Alhamdulillah, keputusan ini memberi saya kekuatan untuk terus maju ke hadapan," kata Zaim.

Kanak-kanak itu ditempatkan dalam jagaan sementara selepas Zaim dan isterinya, Ismanira Abdul Manaf, kedua-duanya berusia 30 tahun, direman pada Mei tahun lalu.

Sementara itu, peguam Zaim, Lavanesh Hareesh Mahadevan, berkata majistret membenarkan permohonan anak guamnya untuk mendapatkan hak jagaan dan menetapkan 14 syarat yang ditetapkan oleh jabatan berkenaan.

Antara syarat itu ialah kanak-kanak terbabit tidak boleh dibiarkan tanpa pengawasan pada bila-bila masa, tiada bentuk penderaan atau pengabaian dibenarkan dan memastikan dia menerima pendidikan serta terapi yang sesuai.

"Kanak-kanak itu tidak boleh dipaparkan dalam kandungan media sosial. Keluarga mesti kekal di alamat yang disenaraikan dalam perintah mahkamah dan perlu memaklumkan jabatan sekiranya terdapat sebarang perubahan.

"Jika mana-mana syarat ini dilanggar, jabatan berhak mengambil semula kanak-kanak itu daripada jagaan bapa dan meletakkannya semula di bawah perlindungan institusi," katanya.

Mahkamah juga mengenakan perintah untuk menyempurnakan bon bagi menjalankan pemeliharaan dan penjagaan sebanyak RM2,000 selama tiga tahun kepada Zaim, mengikut perenggan 30(1)(a) dan Subsekyen 30(8) Akta Kanak-kanak 2001.

Lavanesh berkata, permohonan itu dibuat susulan pembebasan dan penghakiman bebas Zaim oleh Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada 21 Julai.

Rindu kasih sayang, pelukan ibu bapa

Sementara itu, Zahari berkata cucunya pasti merindui kasih sayang dan pelukan ibu bapanya selepas 18 bulan dipisahkan.

"Saya percaya, setiba di rumah kelak, dia mesti mencari 'Mommy' (Ismanira) malah sebelum ini dia sering mencari kelibat Zayn Rayyan," katanya.

Pada 21 Julai, Zaim dibebaskan tanpa perlu memberikan pembelaan terhadap pertuduhan pengabaian kanak-kanak bersama Ismanira yang melibatkan Zayn Rayyan.

Pada 31 Oktober lalu, Ismanira, 30, dihukum penjara lima tahun oleh Mahkamah Sesyen Petaling Jaya selepas didapati bersalah mengabaikan anaknya yang juga kanak-kanak autistik sehingga menyebabkan kecederaan fizikal terhadapnya.

Hakim, Dr Syahliza Warnoh membuat keputusan itu selepas mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

Beliau memerintahkan Ismanira menjalani hukuman penjara bermula 31 Oktober lalu, selain menandatangani bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan seorang penjamin dan cagaran RM3,000.

Ismanira turut diarah menjalani khidmat masyarakat selama 120 jam yang perlu diselesaikan dalam tempoh enam bulan selepas tamat hukuman penjara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga remaja didakwa buli dan tanggal seluar rakan sekolah

Jenayah - Dicipta: 21 November 2025 03:56 PM



PARIT, 21 November – Tiga remaja lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret Parit hari ini atas pertuduhan membuli rakan sekolah mereka dalam kejadian minggu lalu.

Ketiga-tiga tertuduh berusia 16 tahun itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Nurul Izalina Rajaai.

Menurut pertuduhan, mereka secara bersama didakwa menolak serta menanggalkan seluar mangsa di hadapan orang ramai di dewan sebuah sekolah menengah di sini pada 8.30 pagi, 14 November lepas.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 507B Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM500 dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan 16 Disember depan untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan akhlak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buruh didakwa rogol budak perempuan usia 15 tahun hingga mengandung, lahirkan anak

Ahmad Hasbi - November 21, 2025 @ 12:56pm



Muhammad Nur Aiman Mohd Khairi (kiri) ketika hadir di Mahkamah Sesyen Seremban, hari ini. - NSTP/Ahmad Hasbi

SEREMBAN: Buruh binaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol kanak-kanak berusia 15 tahun, kira-kira tiga tahun lalu.

Muhammad Nur Aiman Mohd Khairi, 22, didakwa di hadapan Hakim Datin Surita Budin mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan merogol seorang kanak-kanak berusia 15 tahun lapan bulan ketika kejadian di sebuah hotel di daerah ini, pada kira-kira jam 3 petang pertengahan April 2022.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Norazihah Asmuni mencadangkan ikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin dan tiga syarat tambahan, namun tertuduh merayu jaminan dikurangkan atas alasan dia hanya bekerja sebagai buruh binaan dengan pendapatan tidak menentu.

Mahkamah juga bertanya punca kes berkenaan mengambil masa lama untuk dituduh sebelum Norazihah memaklumkan terdapat arahan supaya mendapatkan laporan kimia terlebih dahulu.

Norazihah memaklumkan bahawa laporan kimia berkenaan positif dan mangsa sudah melahirkan anak tertuduh yang kini sudah berusia kira-kira dua tahun. Pihak pendakwaan turut memberitahu mahkamah, tertuduh sebelum ini sukar dikesan dan tidak hadir ketika dipanggil menyebabkan proses pertuduhan mengambil masa.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM20,000 berserta syarattertuduh tidak mengganggu saksi, melapor diri setiap bulan di balai polis terdekat sehingga kes selesai dan menyerahkan pasport antarabangsa sekiranya ada sebelum menetapkan 23 Disember ini untuk sebutan semula.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengawal keselamatan didakwa mencabul murid perempuan

🕒 21 November 2025, 3:00pm



Oleh: Ahmad Hasbi

SEREMBAN: Seorang pengawal keselamatan sebuah sekolah rendah di daerah ini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mencabul seorang murid perempuan minggu lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Kamaruzaman Hassan, 59, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Datin Surita Budin selepas pertuduhan dibacakan kepadanya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun dengan memegang dan mengusap tangan mangsa.

Perbuatan itu didakwa berlaku kira-kira jam 6.40 pagi di sekolah berkenaan pada 11 November lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Norazihah Asmuni, menawarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin, selain memaklumkan bahawa mangsa adalah murid di sekolah tempat tertuduh bekerja.

Tertuduh, yang tidak diwakili peguam, memohon agar jaminan dikurangkan kerana diberhentikan kerja pada hari kejadian, manakala isterinya tidak bekerja.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan syarat tidak mengganggu saksi pendakwaan, melapor diri setiap bulan di balai polis berdekatan, dan menyerahkan pasport.

Kes disebut semula pada 23 Disember.